

Persepsi Mahasiswa UPM Terhadap Peranan Dan Keberkesanan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN)

UPM Students' Perception of the Role and Effectiveness of the Waqf, Zakat and Endowment Management Center (WAZAN)

Siti Wan Sita Hakim¹ & Normala Othman²

^{1,2} Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Malaysia;

Article progress

Received: 15 March 2023

Accepted: 12 September 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:
Normala Othman, Jabatan
Pengajian Kenegaraan dan
Ketamadunan, Fakulti Ekologi
Manusia, Universiti Putra
Malaysia;
Email:
normala_o@upm.edu.my

Abstrak: WAZAN merupakan singkatan kepada Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment Universiti Putra Malaysia. Di bawah WAZAN terdapat Tabung Amanah Zakat UPM yang bertanggungjawab mengutip dan mengagih kutipan zakat serta membangunkan asnaf. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan dan keberkesanan WAZAN dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan mahasiswa UPM yang memerlukan bantuan terjamin. Isu berkaitan pengagihan zakat sering dikaitkan dengan prosedur permohonan yang sukar, masalah kaedah pengagihan dan persoalan kelayakan pemohon. Oleh itu, kertas kerja ini akan meninjau persepsi mahasiswa mengenai prosedur permohonan serta keberkesanan bantuan zakat yang mereka terima. Bagi tujuan tersebut, temubual telah dijalankan ke atas empat orang mahasiswa yang pernah menerima bantuan daripada WAZAN. Pemilihan informan adalah menerusi kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) dan persampelan bola salji (snowball); iaitu informan yang memenuhi ciri tertentu sahaja akan dipilih sebagai informan kajian dan seterusnya diminta mencadangkan informan lain yang mempunyai ciri sesuai. Kajian ini mendapati bahawa informan yang terlibat adalah mereka yang berasal daripada keluarga yang kurang bernasib baik dan memenuhi ciri golongan yang layak menerima bantuan. Permohonan yang boleh dilakukan secara online didapati memudahkan proses permohonan dilakukan. Bantuan yang diterima digunakan sebaiknya bagi menampung keperluan mereka di kampus seperti keperluan amali, mencetak tugas, membeli buku serta keperluan harian seperti membeli makanan. Kesimpulannya, dengan bantuan yang diberikan WAZAN, beban yang ditanggung oleh mahasiswa dapat dikurangkan bagi kesejahteraan dan kualiti hidup dalam meningkatkan lagi kecemerlangan akademik mereka.

Kata kunci: WAZAN, zakat, mahasiswa UPM;

Abstract: WAZAN stands for Wakf Management Center, Zakat and Endowment of Universiti Putra Malaysia. Under WAZAN there is a UPM Zakat Trust Fund which is responsible for collecting and distributing zakat collection as well as asnaf development. This study aims to identify the role and effectiveness of WAZAN in ensuring the well-being and welfare of

UPM students who need guaranteed assistance. Issues related to the distribution of zakat are often associated with difficult application procedures, problems of distribution methods and questions of applicant's eligibility. Therefore, this paper will examine student perceptions on application procedures and the effectiveness of zakat assistance they receive. For that purpose, interviews were conducted with four students who received zakat assistance from WAZAN. The selection of informants is through purposive sampling and snowball sampling; that is, only informants who meet certain characteristics will be selected as study informants and then asked to suggest other informants who have suitable characteristics. Study found that all informants were those who came from less fortunate families and fulfilled the characteristics of those who were eligible to receive zakat assistance. Applications that can be made online can be easily simplified. The zakat assistance received was used to accommodate their needs on campus such as practical needs, printing assignments, buying books and daily necessities such as purchasing food. In conclusion, with the zakat assistance provided by WAZAN, the burden borne by the students can be reduced to the wellbeing and quality of life in enhancing their academic excellence.

Keywords: WAZAN, zakat, UPM student;

Pengenalan

Institusi zakat memainkan peranan penting bagi pembangunan pendidikan anak-anak asnaf melalui skim agihan zakat untuk pendidikan. Di Universiti Putra Malaysia, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowment Universiti Putra Malaysia (WAZAN) memainkan peranan mengurus dan mengagihkan kutipan zakat serta membangunkan asnaf. Mengikut laporan yang diperolehi dari laman web WAZAN (<http://www.wazan.upm.edu.my>), pada tahun 2022, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengutip dana Zakat sebanyak RM8,698,444.94. Kutipan pada tahun 2022 juga melepasi sasaran RM7.7 Juta berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang diletakkan oleh UPM dan RM8.35 juta oleh Lembaga Zakat Selangor. WAZAN juga telah berjaya mengagihkan sebanyak RM3,541,328.37 kepada 27, 679 orang penerima terdiri daripada lima golongan asnaf UPM yang layak dan berhak iaitu asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnu sabil. Hasil kutipan zakat yang diterima dari warga UPM mahupun masyarakat serta organisasi luar diagihkan kepada penerima yang layak mengikut hukum syarak. Golongan mahasiswa merupakan antara kategori yang memerlukan dan layak mendapat bantuan zakat. Justeru, dengan adanya bantuan zakat yang diberikan kepada mereka sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung.

Kajian oleh Mohd Faiz Ahmad et.al (2016) mendapati respon yang positif berkaitan pelaksanaan kaedah melokalisasikan urus tadbir zakat di institusi pengajian tinggi. Pelaksanaan sistem ini didapati memudahkan komunikasi antara pelajar dengan pihak berkaitan. Proses pengagihan zakat juga dapat dijalankan dengan lebih mudah, cepat dan teratur serta meningkatkan keberkesanan urus tadbir zakat Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada para mahasiswa universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) di Selangor. Justeru, penubuhan WAZAN adalah selaras dengan hasrat murni tersebut. Namun demikian, institusi zakat sering berhadapan dengan isu ketidakpuasan hati pembayar zakat berkenaan pengagihan zakat (Muhammad Syukri, 2006; Sanep et.al, 2006; Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009). Ketidakpuasan hati tersebut berkaitan dengan aspek kaedah pengagihan yang kurang berkesan dan maklumat pengagihan kepada asnaf yang tidak jelas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meninjau persepsi mahasiswa UPM mengenai peranan dan keberkesanan bantuan zakat yang mereka terima.

Sorotan Literatur

Institusi zakat merupakan salah satu institusi kewangan Islam yang memainkan peranan penting dalam aspek ekonomi dan sosial umat Islam di negara ini. Terdapat banyak kajian lepas yang membincangkan aspek berkaitan kutipan zakat dan agihan zakat di Malaysia. Malahan, terdapat kajian menunjukkan

bahawa dengan setiap peningkatan dalam agihan zakat akan memberi kesan yang positif iaitu peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Situasi ini seterusnya membayangkan bahawa zakat turut membantu kepada pembangunan ekonomi di Malaysia (Abdelkader Laallam, Mansha Rafiq, Rafiq Harkati, 2021). Namun demikian, di dalam kebanyakan negara Islam, zakat hanya dianggap sebagai kewajipan terhadap Allah dan tidak dilikat dari keseluruhan manfaat zakat tersebut ke atas setiap aspek yang terlibat (A Manzilati, MDA Wildana, 2019). Perkara ini mungkin kerana kurangnya pendedahan dalam kalangan umat Islam, termasuk di Malaysia, tentang besarnya makna sumbangan zakat terhadap segenap aspek kehidupan manusia.

Ahmad Hidayat Buang (2000) dalam kajiannya telah menggariskan beberapa perkara asas pengurusan zakat berdasarkan perpektif al-Quran dan al-Sunnah iaitu; berlaku keadilan dalam pungutan zakat, memudahkan pungutan zakat, jumlah dan kaedah bayaran hendaklah jelas dan tepat, harta yang dipungut bukan dari harta yang paling disukai, pihak pengurusan zakat berilmu dan berkelayakan, terdapatnya badan yang mengawasi pengurusan zakat, mempercepatkan agihan, kewajipan 'amil menjalankan tugas dengan tegas dan membayar menjelaskan zakat serta menggalakkan muslim membayar zakat melalui nasihat dan kempen.

Terdapat kajian yang berkaitan dengan isu pengurusan pusat zakat yang kurang memuaskan terutamanya dari aspek kutipan dan pengagihan hasil zakat. Menurut kajian Hussain & Saat (2012), masyarakat Islam mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang rendah terhadap pentadbiran dan pengurusan pusat zakat. Malahan menurut Mohd Harzrul (2010), setiap tahun terdapat aduan terhadap institusi zakat yang dilaporkan di media terutamanya berkaitan dengan pengagihan. Walaupun pelbagai cadangan dan inovasi telah dibuat bagi memastikan agihan zakat sampai kepada golongan asnaf, namun institusi zakat tetap berhadapan dengan isu ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap pengagihan yang dilaksanakan (Muhammad Syukri, 2016; Sanep et al, 2006; Hairunnizam et al., 2009; Hairunnizam et al.,2010), termasuklah pembayar zakat dalam kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhammad, 2008). Ketidakpuasan hati tersebut berkait dengan aspek kaedah pengagihan yang kurang berkesan dan maklumat pengagihan kepada asnaf yang tidak jelas. Hal ini telah menyebabkan pembayar zakat lebih cenderung memilih pembayaran zakat secara manual atau terus kepada asnaf dan bukan menerusi institusi zakat formal (Sanep et al., 2006; Hairunnizam et al., 2009).

Menurut kajian Mahyuddin Abu Bakar & Abdullah Abd.Ghani (2010), ketiadaan undang-undang yang

menyeluruh merupakan antara punca kepada keberkesanan dalam kutipan zakat. Undang-undang yang tidak seragam antara negeri telah turut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam di negara ini (Kamil Md. Idris, 2006). Malahan, masalah definisi setiap asnaf yang lapan juga menimbulkan masalah kepada amil memandangkan definisi asnaf antara negeri adalah hampir berbeza antara satu sama lain (Mohamad Zaki & Ab Rahman,2019). Keadaan ini turut menimbulkan perdebatan dan permasalahan apabila wujud kaedah berbeza dari segi agihan dan definisi asnaf yang layak. Selain itu, terdapat juga isu berkaitan dengan pengurusan dan kekurangan tenaga mahir yang cekap sehingga menyebabkan sistem pengurusan zakat tidak begitu berkesan (Ahmad Shahir & Adibah, 2010).

Purata kutipan zakat di kebanyakan negeri di Malaysia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Menurut laporan Astro Awani (2023), kutipan zakat Wilayah Persekutuan meningkat 13 peratus pada tahun 2022. Namun demikian, menurut laporan Utusan Malaysia (2002), jumlah kutipan dan pengagihan memperlihatkan keadaan tidak seimbang. Hal ini kerana kutipan zakat di semua negeri kecuali Wilayah Persekutuan tidak diagihkan kesemuanya kepada golongan asnaf. Ini berdasarkan laporan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bahawa hanya RM230 juta atau 75 peratus sahaja daripada RM306 juta wang zakat yang dipungut di seluruh Malaysia pada tahun 2001 dapat diagihkan kepada golongan asnaf. Antara faktor yang dapat dikenalpasti adalah seperti masalah perhubungan atau pengangkutan dan maklumat yang tidak sampai kepada golongan asnaf.

Terdapat kajian yang membincangkan jalan penyelesaian bagi isu dan masalah dihadapi institusi zakat. Antaranya adalah melalui kaedah lokalisasi pengurusan zakat (Muhammad Syukri, 2006) yang mampu mengatasi masalah jurang perhubungan antara pusat zakat dan asnaf. Dengan adanya penglibatan orang terdekat dengan golongan asnaf, diharapkan usaha mengenalpasti asnaf dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat. Hairunnizam (2012) dalam kajiannya mendapati majoriti amil di Semenanjung Malaysia bersetuju dengan pelaksanaan kaedah ini. Mohd Faiz et al. (2016) turut mendapati pelaksanaan kaedah lokalisasi agihan zakat kepada Unit Institusi Pengajian Tinggi masing-masing mendapat respon yang positif daripada responden. Langkah ini memudahkan pelajar untuk memohon bantuan disamping mempercepatkan proses agihan.

Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menjalankan temubual secara mendalam bersama empat orang informan yang terdiri daripada mahasiswa UPM yang pernah menerima bantuan zakat dari WAZAN UPM sahaja. Pemilihan informan adalah menerusi kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan pengkaji telah mendapatkan bantuan pihak WAZAN bagi mencadangkan informan yang memenuhi ciri bersesuaian iaitu seorang muslim dan had pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM5 000. Seterusnya pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bola salji (*snowball*), iaitu informan yang telah dipilih seterusnya diminta mencadangkan informan lain yang mempunyai ciri sesuai.

Latarbelakang pelajar asnaf dan faktor memohon bantuan zakat

Dalam kajian ini, latarbelakang pelajar asnaf dapat dilihat dari aspek kehidupan keluarganya iaitu dengan melihat jumlah pendapatan, jenis pekerjaan ibubapa, bilangan adik- beradik, ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik dan lain- lain kesusahan yang dikenalpasti. Kajian mendapati sebahagian besar informan berasal daripada keluarga yang mempunyai pendapatan rendah dan tidak menentu. Salah seorang informan iaitu Ela (bukan nama sebenar) menyatakan bahawa pendapatan bulanan ibu bapanya adalah rendah iaitu antara RM400 hingga RM500 kerana bekerja sebagai petani. Oleh itu, Ela terpaksa memohon bantuan zakat bagi menampung keperluan perbelanjaannya di universiti.

Informan Nora (bukan nama sebenar) juga turut mengatakan bahawa anggaran pendapatan ibunya yang merupakan ibu tunggal tidak menentu kerana bergantung dengan pemberian anak-anaknya setiap bulan iaitu antara RM400 hingga RM500. Ibunya tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menanggung perbelanjaan harian anak- anaknya. Begitu juga dengan ibu kepada informan Zainab (bukan nama sebenar), yang hanya bergantung dengan pemberian anak- anak setiap bulan. Ibu Zainab yang berstatus ibu tunggal tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyara anak- anak yang masih belajar.

Selain itu, terdapat juga ibubapa informan yang tidak mempunyai pendapatan disebabkan hal- hal tertentu yang membuatkan mereka tidak bekerja seperti ketua keluarga (ayah) menghidap penyakit kronik. Menurut Ela, ayahnya tidak dapat bekerja atas nasihat doktor kerana menghidap penyakit jantung dan hanya mengharapkan bantuan daripada Baitulmal secara

bulanan. Ibubapa informan Mimie (bukan nama sebenar) pula misalnya hanya bekerja sendiri iaitu dengan menjalankan perniagaan dan pendapatan tidak menentu. Disebabkan keadaan tersebut, Mimie tidak mahu bergantung dengan ibubapanya dan mengambil keputusan untuk memohon bantuan zakat bagi pembiayaan yuran pengajiannya selama satu semester.

Seterusnya, aspek bilangan adik-beradik juga merupakan salah satu faktor informan memohon zakat. Kesemua informan mempunyai bilangan adik- beradik yang ramai iaitu sembilan orang (Zainab), enam orang (Nora), lima orang (Ela) dan empat orang (Mimie). Dengan pendapatan yang kecil dan bilangan tanggung anak- anak yang ramai, ibubapa informan tidak mampu untuk memberi wang perbelanjaan mencukupi untuk anak mereka yang menuntut di universiti. Ini menyebabkan informan mencari alternatif lain untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi mengurangkan beban keluarga mereka.

Selain daripada bantuan zakat, kajian mendapati tiga orang informan menerima wang pinjaman PTPTN dan seorang pinjaman Yayasan Johor bagi membiayai pengajian mereka di UPM. Disamping itu, terdapat juga informan yang mempunyai sumber kewangan lain iaitu dengan bekerja sambilan. Mimie misalnya menyatakan bahawa dia bekerja sambilan untuk menampung perbelanjaannya. Sikapnya yang tidak suka meminta duit dengan ibubapanya, menyebabkan dia berazam untuk mencari sumber kewangan sendiri.

Selain itu, keempat-empat informan mengatakan bahawa mereka menghadapi masalah wang pinjaman mereka tidak mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan dan pembelajaran sepanjang pengajian. Itu merupakan salah satu faktor mengapa mereka memohon bantuan zakat. Kos sara diri mahasiswa di universiti adalah tinggi dan memerlukan wang yang banyak bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Misalnya Nora, memandangkan kursus yang diikutinya melibatkan banyak kerja amali, dia memerlukan wang yang banyak untuk membeli barangan dan peralatan serta tidak mempunyai masa untuk membuat kerja sampingan. Menurut Nora;

“Tapi apabila di hujung semester tu, dah makin abis ni dan saya pun tak sempat nak buat kerja sambilan sebab program pengajian saya ni pun banyak kerja amali dan memerlukan wang yang banyak untuk beli barang atau peralatan. Contohnya membeli barang jahitan...emm.. macam- macam la, sebab banyak kemahiran yang kena belajar... jadi, banyak la barang yang kita kena sediakan sendiri...”

Namun demikian, hasil pemerhatian mendapati walaupun informan dalam kajian ini berhadapan dengan

masalah kewangan tetapi mereka tetap mempamerkan aspirasi yang tinggi serta nilai yang positif. Kesemua informan sependapat bahawa mereka tidak mahu menyusahkan keluarga mereka dalam hal berkaitan kewangan. Mereka memahami keadaan keluarga yang hanya berpendapatan rendah dan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan anak-anak. Oleh itu, mereka mengambil keputusan memohon bantuan zakat bagi mengurangkan beban keluarga mereka agar tidak perlu meminta daripada ibubapa masing-masing.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa latarbelakang diri dan keluarga mempengaruhi informan untuk memohon bantuan zakat. Mereka terdiri daripada golongan asnaf fakir, miskin dan fisabilillah yang layak menerima bantuan zakat mengikut had kifayah yang telah ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kelayakan adalah berdasarkan pelbagai aspek terutamanya pendapatan keluarga yang rendah dan tidak mencukupi, bilangan adik-beradik yang ramai dan keluarga tidak mampu menampung kos pembelajaran mereka di universiti serta mereka merupakan pelajar yang bergantung dengan wang pinjaman pengajian seperti PTPTN sahaja.

Persepsi mahasiswa terhadap peranan WAZAN

Semua informan jelas tentang peranan WAZAN dan sependapat bahawa bantuan yang mereka terima dapat mengurangkan beban selama mereka mengikuti pengajian di UPM. Menurut Nora;

“Emmm.. yang saya tahu zakat UPM (merujuk kepada WAZAN), adalah satu pusat yang membantu pelajar Islam yang memohon bantuan zakat, untuk mengurangkan beban yang ditanggung.. terutamanya dari segi kewangan ke ataupun yang mana menghadapi masalah kewangan ini... Zakat ini tak membantu dari segi kewangan sahaja tapi membantu dari segi sara diri, yuran pengajian, dan keperluan pelajar di UPM ini”

Menurut Nora, WAZAN merupakan satu pihak yang berperanan dalam membantu pelajar yang memerlukan pertolongan bagi mengurangkan beban yang ditanggung seperti masalah kewangan dan dia juga berpendapat bahawa WAZAN bukan hanya memberi bantuan kewangan sahaja tetapi terdapat juga bantuan lain seperti yuran pengajian dan keperluan pelajar dalam pembelajaran mereka. Justeru, dapat dilihat bahawa pengagihan zakat terdapat dalam pelbagai bentuk dan skim bantuan kepada golongan asnaf dan mengikut kepada keperluan mereka.

Antara jenis bantuan yang disediakan oleh WAZAN untuk mahasiswa adalah berbentuk bantuan sara diri, yuran pengajian dan lain-lain. Berdasarkan temubual, kebanyakan informan memohon bantuan jenis sara diri. Bantuan ini sebanyak RM400 hingga RM600 mengikut syarat kelayakan mereka sama ada mereka termasuk dalam ketiga-tiga golongan asnaf fakir, miskin dan fisabilillah. Kadar bantuan adalah mengikut had kifayah seseorang pelajar asnaf tersebut. Sebahagian besar informan lebih memerlukan bantuan sara diri berbanding jenis bantuan lain. Ini kerana kos perbelanjaan yang tinggi di pengajian memerlukan wang yang banyak bagi memenuhi keperluan mereka seperti wang untuk membeli makanan, minuman, kos pembelajaran seperti membeli buku, mencetak nota-nota kuliah atau tugasan dan keperluan lain. Namun, terdapat juga seorang informan yang memohon jenis bantuan yuran pengajian kerana menghadapi masalah untuk membayar yuran pengajian pada semester tersebut.

Informan mengetahui maklumat tentang WAZAN menerusi Program Suai kenal atau orientasi yang dijalankan oleh Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM), UPM pada awal pengajian. Selain itu, terdapat juga informan yang mengetahui mengenai WAZAN daripada rakan-rakan seperti dinyatakan oleh Zainab;

“.. mula-mula saya dapat tahu mengenai Pusat Zakat, UPM (merujuk kepada WAZAN) ini daripada kawan saya sendiri... kawan saya bagitahu yang Pusat Zakat ada buka untuk permohonan bantuan zakat..selebihnya saya semak sendiri di laman web Pusat Zakat...”

Menurut Zainab, dia mengetahui mengenai bantuan yang diberikan menerusi daripada rakan-rakannya dan seterusnya dia mencari maklumat selanjutnya dalam portal rasmi WAZAN. Namun, terdapat juga informan mengetahuinya daripada sumber lain seperti media massa, portal-portal rasmi zakat dan UPM sendiri. Penggunaan internet sebagai platform perkongsian maklumat mengenai WAZAN didapati membawa impak yang positif.

Perspektif terhadap prosedur permohonan bantuan zakat

Prosedur permohonan bantuan zakat menerusi WAZAN didapati tidak sukar. Malah informan merasakan proses adalah mudah kerana hanya perlu membuat permohonan secara *online* atau dalam talian sahaja tanpa perlu memohon secara manual. Dengan mengemukakan permohonan secara dalam talian, mereka tidak perlu datang ke pejabat pengurusan WAZAN untuk mengambil dan menghantar borang. Mereka juga perlu memuat naik dokumen yang diperlukan bagi menyokong

permohonan bantuan zakat. Dokumen tersebut perlu disahkan terlebih dahulu sebelum dimuat naik di laman sesawang portal e-zakat UPM. Ini boleh menjimatkan masa mahasiswa dan mereka boleh mengemukakan permohonan pada bila-bila masa sahaja. Penggunaan aplikasi *online* terbukti sangat membantu melincirkan proses permohonan bantuan zakat untuk warga UPM terutamanya mahasiswa.

Kaedah *online* telah berjaya mengurangkan karenah birokrasi yang sentiasa menjadi isu ketidakpuasan hati dikalangan amil dan penerima zakat (Muhammad Syukri 2006: Radiah, Hairunnizam & Sanep 2010), mengurangkan kesukaran mengambil borang permohonan (Muhammad Syukri 2006), penggunaan dokumen yang minimum dan mengurangkan masalah pengenalpastian asnaf yang layak. Menurut Nora;

“Pada pandangan saya permohonan zakat UPM ini tidak sukar sebab memudahkan kita isi secara online dan bila kita naik semester, setiap semester kita mohon... bila tahun akhir tu kita tak ada interview dah...emm.. mereka (merujuk kepada WAZAN) bank in sahaja duit dan luluskan sahaja begitu... jadi, bagi saya ianya memang memudahkan dan tidak menyusahkan untuk pelajar memohon...”

Ela juga berpendapat;

“...pada pendapat saya, sistem ni tak merumitkan...sistem ni efektif lah..sebab pelajar kena mohon setiap semester...mungkin untuk kalau dia buat mohon sekali untuk 8 semester tu... mungkin semester seterusnya, pelajar itu mencukupi...jadi, adalah pelajar yang lebih memerlukan... jadi, memang bagus la zakat buat bagi permohonan setiap semester”

Informan berpendapat sistem yang digunakan adalah efektif dan bersetuju sekiranya mahasiswa perlu mengemukakan permohonan baru untuk setiap semester. Ini dapat membantu mereka menguruskan kewangan dengan baik. Informan misalnya hanya membuat permohonan bantuan zakat sekiranya wang pinjaman tidak mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan pada semester tersebut sahaja. Informan juga mempunyai kesedaran untuk tidak sewenang-wenangnya memohon bantuan zakat sekiranya tidak memerlukannya dan memberi peluang kepada mahasiswa lain yang selayaknya untuk menerima bantuan.

Seterusnya, setelah mengemukakan permohonan secara *online*, informan menyatakan bahawa mereka akan menerima surat daripada pihak WAZAN sekiranya permohonan mereka diluluskan atau tidak. Surat tersebut diterima melalui emel mereka. Oleh itu, mereka boleh mengetahui jika permohonan telah diproses dan berapa

lama tempoh untuk menunggu. Ini membuatkan mereka merasa prosedur permohonan bantuan zakat adalah mudah seperti dinyatakan oleh Nora;

“.. setakat ni saya dah pernah mohon, saya dah tau berapa lama masa nak tunggu...ada la satu dua semester dulu lambat masuk... untuk memohon zakat UPM ini, saya biasanya rujuk surat tawaran atau kelulusan yang dihantar oleh pihak zakat melalui emel... selepas permohonan, zakat (merujuk kepada WAZAN) akan menghantar emel bahawa mereka sudah menerima permohonan zakat kita.. dan sekiranya lulus, pihak zakat juga akan memaklumkan kita bahawa permohonan tersebut lulus dan beritahu jumlah bantuan yang diluluskan dalam surat tersebut..”

Berkaitan dengan temuduga yang dijalankan oleh pihak WAZAN, semua informan bersetuju dengan proses temuduga yang dijalankan antara pihak WAZAN dengan pemohon. Menurut Nora;

“Ya, sebelum ni saya perlu menghadiri temuduga zakat dengan pihak zakat...pada pandangan saya, temuduga yang dijalankan adalah perlu dilakukan.. dan tindakan pihak zakat ini adalah baik.. dan saya bersetuju dengan pihak zakat yang meminta pelajar untuk menghadiri temuduga dahulu...dengan ini, pihak zakat telah menjalankan tugas dengan betul iaitu memastikan bantuan tersebut dihulurkan kepada golongan yang layak dan sepatutnya..”

Adalah menjadi tanggungjawab pihak WAZAN sebagai pemegang amanah (amil) dalam memastikan bahawa bantuan zakat diberikan kepada orang yang layak. Mereka perlu menjalankan siasatan terlebih dahulu sebelum meluluskan permohonan bantuan tersebut. Pihak WAZAN telah menjalankan suatu inisiatif yang cukup berkesan bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan sebaik mungkin sebagai pemegang amanah dalam membantu golongan asnaf yang layak dan memerlukan bantuan.

Keberkesanan bantuan zakat terhadap pelajar

Bantuan zakat yang diberikan oleh pihak WAZAN telah banyak membantu pelajar asnaf terutamanya dalam mengurangkan beban atau masalah yang mereka hadapi. Bantuan zakat yang diberikan kepada mereka gunakan sepenuhnya untuk menampung keperluan pembelajaran mereka di UPM. Dengan bantuan yang diberikan oleh pihak WAZAN, secara langsung dapat meringankan beban serta membantu menampung keperluan pembelajaran informan. Kajian ini juga mendapati

kesemua informan menghadapi masalah yang sama iaitu kekurangan wang untuk menampung keperluan dan perbelanjaan mereka yang tinggi di universiti. Tiga daripada informan memilih jenis bantuan sara diri berbanding bantuan lain. Bantuan sara diri adalah berbentuk wang yang dikreditkan ke akaun penerima.

Menurut informan juga, dengan adanya bantuan yang diberikan sekaligus dapat meringankan beban keluarga mereka. Hal ini menunjukkan keberkesanan bantuan yang diberikan kerana sedikit sebanyak boleh mengurangkan beban keluarga mereka yang mempunyai pendapatan rendah dan tanggungan anak yang ramai. Dengan bantuan yang diterima, informan tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya dengan keluarga untuk menyara kehidupan mereka sepanjang menuntut pengajian di UPM. Menurut Ela;

“Saya memohon zakat kerana disebabkan pendapatan keluarga saya yang sederhana...sebab dibawah saya ada lagi dua orang adik saya yang masih bersekolah, kakak saya pun sebelum ni baru sahaja menamatkan pengajian... jadi...saya rasa untuk menanggung pelajaran semua anak- anak tu tak mencukupi. Oleh itu, saya mengambil tindakan untuk memohon zakat untuk meringankan beban ayah saya dalam menanggung perbelanjaan pelajaran”

Semua informan sependapat bahawa jumlah bantuan yang diberikan oleh pihak WAZAN iaitu dalam lingkungan RM300 hingga ke RM600 untuk setiap permohonan bantuan sara diri, adalah mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan mereka sepanjang satu semester. Wang bantuan tersebut digunakan dengan sebaik mungkin iaitu membelanjakan wang tersebut untuk kegunaan pelajaran seperti mencetak tugas, membeli buku dan membeli barangan atau peralatan bagi mata pelajaran yang memerlukan kerja amali. Selain itu, wang bantuan juga adalah untuk kegunaan perbelanjaan harian mereka seperti membeli makanan dan minuman.

Kesimpulan

Pihak pengurusan WAZAN didapati telah menjalankan tanggungjawab dengan baik dan sangat menitikberatkan soal individu yang layak menerima bantuan. Ini dapat dilihat menerusi sistem yang dipraktikkan iaitu mahasiswa yang memohon bantuan zakat dikehendaki mengemukakan beberapa dokumen penting bagi menyokong permohonan mereka serta menjalankan temuduga bagi proses siasatan sebelum meluluskan permohonan bantuan tersebut. Prosedur yang mudah menyenangkan mahasiswa untuk mengemukakan permohonan bantuan zakat. Sesi temuduga bagi proses siasatan sememangnya wajar dilaksanakan disamping

membolehkan pihak WAZAN mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar asnaf di UPM. Bantuan yang diberikan didapati dapat mengurangkan masalah kekurangan wang pinjaman bagi menampung kos perbelanjaan sara diri di UPM sekali gus mengurangkan beban keluarga para mahasiswa kerana tidak perlu bergantung sepenuhnya dengan ibubapa mereka. Merujuk kepada usaha-usaha yang telah dan giat dijalankan oleh pihak WAZAN khususnya dan LZS amnya dari segi program pendidikan dan juga bantuan atau skim zakat pendidikan yang diberikan terus kepada golongan asnaf, zakat pendidikan dilihat memberikan sumbangan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi untuk mengeluarkan golongan asnaf daripada belunggu kemiskinan. Bantuan zakat kepada golongan pelajar dapat meringankan beban walaupun mungkin ada yang beranggapan nilai bantuan yang diberikan adalah kecil jumlahnya. Golongan mahasiswa amat menghargai bantuan zakat yang diterima dan terbukti dapat membantu meringankan beban kewangan mereka.

Rujukan

A Manzilati, MDA Wildana. (2019). *Zakat 2.0*. UB Press.

Abdelkader Laallam, Mansha Rafiq, Rafiq Harkati. (2021). The Impact of Zakah in Malaysian Economic Development. Dalam Adel Sarea. *Impact of Zakat in Sustainable Economic Development*. IGI Global.

Ahmad Hidayat Buang. (2000). Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Jurnal Syariah*, 8 (2), 89-102.

Astro Awani. (Januari, 2023). Kutipan Zakat Wilayah Persekutuan Meningkatkan 13 Peratus Pada 2022. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kutipan-zakat-wilayah-persekutuan-meningkat-13-peratus-pada-2022-403716>

Azman Ab Rahman. (2014). Dana Zakat Dalam Pendidikan Asnaf Dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia: Ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi. *Prosiding PERKEM ke 9*, 208-215.

Fatin Amila Rosli, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad. (2015). Cadangan Lokalisasi Tadbir Urus Pengurusan Zakat Dan Peranan Institusi Masjid: Kajian Terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor Di Institusi Pengajian Tinggi. Dalam Nor Aini Ali, Azizi Che Seman, Mohammad Taquiddin Mohamad. *Isu Kontemporarasi Agihan Zakat Di Malaysia*. hlm 45-59. MAIWP.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad , Radiah Abdul Kader. (2009). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?. *Jurnal Syariah*, 17 (1), 89-112.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad , Radiah Abdul Kader. (2010). Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Awal di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4 (1), 141-170.

Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad(2012). Cadangan Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia: Adakah Amil Sudah Bersedia?, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46 (2), 17-27.

Hussain, M.H., Md. Idris, K., & Saat, R.A. (2012). Ketelusan di Dalam Tadbir Urus Institusi Zakat. Kertas kerja Seminar Isu-Isu Kontemporari Zakat di Malaysia. Universiti Utara Malaysia.

Kamil Md. Idris. (2006). Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 2, 32–41.

Fadziani Yaakub. (2023) Kewajipan Membayar Zakat: Analisis Undang-Undang Zakat di Malaysia. *Journal Of Contemporary Islamic Studies*. 9(1). https://jcis.uitm.edu.my/images/journal/volume9/issue1/Kewajipan_Membayar_Zakat_Analisis_Undang2_Zakat_di_Malaysia.pdf

Mahyuddin Abu Bakar, & Abdullah Abd.Ghani. (2011). Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (The Poor and Needy). *International Journal of Business and Social Science*, 2(4).

Kewajipan Membayar Zakat: Analisis Undang-Undang Zakat di Malaysia. *Journal Of Contemporary Islamic Studies*. 9(1). https://jcis.uitm.edu.my/images/journal/volume9/issue1/Kewajipan_Membayar_Zakat_Analisis_Undang2_Zakat_di_Malaysia.pdf

Mohamad Zaki, M. M., & Ab Rahman, A. (2019). Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian di Zakat Pulau Pinang (ZPP): Education Zakat Education Management: A Case Study in Zakat Penang (ZPP). *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 141-184. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.279>

Mohd Harzrul, A. (Mac, 2010). *Institusi Agama Tercabar*, Harian Metro.

Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teorititis. Dalam Abdul Ghafar Salleh & Hailani Muji Tahir. *Zakat: Pensiaryatan, Perekonomian & Perundangan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, Adnan Mohamad. (2006). Pensiaryatan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal Di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2), 175-196.

Utusan Malaysia. (November, 2002). *Beri Maklumat Fakir Miskin Ke Pusat Zakat*.